

Headline	Harga barang masih terkawal		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah and Sarawak)		
Date	27 May 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	41,000
Page No	2	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	325 cm ²
Journalist	Oleh Mohd Nazllie Zainul	AdValue	RM 3,072
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,216



Harga barang masih terkawal

→ Tiada kenaikan walaupun permintaan meningkat sejak awal Ramadan

Oleh Mohd Nazllie Zainul
cnews@NSTP.com.my

► Kota Kinabalu

Walaupun permintaan meningkat sejak awal Ramadan tahun ini, namun harga barang keperluan harian di pasar tani, dekat sini, tidak mengalami sebarang kenaikan.

Tinjauan NSTP di Pasar Tani Asia City mendapati harga barang keperluan harian seperti sayur-sayuran dan bahan basah lain berada pada harga berpatutan sekaligus menjadi pilihan pengunjung yang datang ke pasar tani berkenaan.

Peniaga, Hamisah Kusop, 56, berkata cuaca di kawasan tanah tinggi beberapa bulan ini berada dalam keadaan baik



Hanani menjual ayam di Pasar Tani Asia City, Kota Kinabalu.

menyebabkan tanaman sayur boleh mengeluarkan hasil dengan banyak.

Hamisah berkata apabila pengeluaran sayur konsisten, secara tidak langsung bekalan sayur tidak mengalami gangguan dan tiada sebarang kenaikan harga sayur yang mendadak.

Harga berpatutan

“Kita menjangkakan permintaan ke atas sayur dari Kundasang meningkat setiap kali menjelang seminggu sebelum Aidilfitri. Ketika itu mungkin ada sedikit pertambahan harga tetapi tidak mendadak seperti penghujung Ramadan tahun lalu ekoran penghasilan sayur waktu ini sangat baik.

“Setakat ini, harga bagi cili merah adalah RM9 sekilogram, manakala tomat gred A berharga RM6 sekilogram.

“Bagaimanapun, saya boleh katakan harga barang basah dan kering di sini masih dijual lebih murah berbanding tempat lain serta berpatutan dan segar,” katanya.

Peniaga ayam, Nor Hanani Abdullah, 25, berkata sama seperti sayur, harga ayam di pasar tani terbabit tidak mengalami sebarang peningkatan saat ini.

“Kita adakah susah untuk menjangkakan kenaikan harga ini kerana ia ber-gantung daripada kilang yang membekalkan ayam kepada peniaga di sini.

“Tetapi berdasarkan pengalaman, harga akan sedikit meningkat pada minggu terakhir bulan Ramadan disebabkan permintaan yang banyak dalam kalangan pengguna,” katanya sudah 10 tahun ber-niaga di pasar tani itu.